

20 SEP 1998

Mahathir-Komanwel

MAKLUMAT BALAS POSITIF DARI PESERTA SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang setiap hari berada di gelanggang Sukan Komanwel ke 16, telah menerima maklumat balas positif daripada peserta sukan itu.

Atlit, pegawai dan wakil media menyatakan rasa puas hati mereka terhadap kelancaran penganjuran sukan itu yang bermula dengan upacara perasmian gilang gemilang pada 11 Sept lepas. Ratu Elizabeth II akan menutupnya esok.

Sambil mengkaji perkara ini hari ini semasa melawat Pusat Akhbar Utama (MPC) yang menempatkan 1,500 wartawan tempatan dan asing, Perdana Menteri berkata sukan itu berjalan lancar "malahan lebih baik daripada yang saya jangkakan".

Ketika bercakap pada persidangan berita di MPC yang terletak di Hotel Mint, Dr Mahathir berkata secara peribadi, beliau berpuas hati dengan perjalanan sukan kedua terbesar di dunia itu.

"Ada yang memberitahu saya bahawa mereka agak sedih kerana sukan ini akan berakhir esok. Mereka berharap ia sepatutnya berjalan terus. Nampaknya semua orang seronok," katanya.

Dengan diapit Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, pemangku pengurus besar dan ketua pengarang Bernama Syed Jamil Jaafar dan pengarah MPC Zainoor Sulaiman pada persidangan berita itu, Dr Mahathir berkata kontinjen Malaysia juga menunjukkan prestasi luar biasa.

Dr Mahathir yang telah memberikan sokongan kepada peserta Malaysia sehingga ada yang memenangi emas, berkata beliau tidak menjangka mereka akan menang begitu banyak pingat, khususnya emas.

"Saya kurang yakin. Saya menjangka bahawa menjadi tuan rumah pun mempunyai banyak masalah.

"Tetapi yang kita dapat lihat, mereka menunjukkan prestasi amat baik dan saya sedang memikirkan mengenai cuti umum," kata Dr Mahathir ketika ditanya sama ada beliau akan mengisytiharkan cuti umum ekoran kejayaan sukan itu.

Sehingga ini Malaysia menduduki tangga keempat dalam senarai pungutan pingat dengan tujuh emas, sembilan perak dan 10 gangsa, sekaligus mencapai sasaran negara untuk kutipan emas.

Perdana Menteri berkata jikapun beliau mengisytiharkan cuti umum, ia mungkin untuk Sabtu atau lebih awal.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan asing sama ada apa yang disebut sebagai masalah politik semasa negara (merujuk kepada pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim) telah mengganggu perjalanan sukan itu, Dr Mahathir berkata ia satu gangguan kecil.

"Kami lebih menumpukan perhatian kepada sukan ini dan kami gembira, kami tenang...rakyat tidak langsung kelihatan seperti menghadapi masalah politik," katanya.

Dr Mahathir berkata ada juga pihak yang mencadangkan agar beliau mengadakan pilihan raya umum sekarang.

"Mungkin saya akan menang dengan mudah," katanya.

--BERNAMA

ES MAI